

PM syor naikkan taraf mesyuarat

BH - 9 OCT 1992

MESYUARAT Menteri Ekonomi Asean patut dinaikkan taraf sebagaimana Mesyuarat Menteri Luar Asean dengan mewujudkan sistem **Persidangan**. Lanjutan Menteri Ekonomi Asean selepas mesyuarat rasmi peringkat menteri, kata Datuk Seri Dr **Mahathir Mohamad**.

Perdana Menteri berkata, persamaan sistem mesyuarat di antara Menteri Luar dan Menteri Ekonomi Asean akan membantu mengukuhkan lagi kepentingan nasional dan serantau Asean.

Menurutnya, perubahan zaman yang menjadikan isu ekonomi lebih kompleks dan penting menyebabkan Menteri Ekonomi Asean perlu diberi tempat sewajarnya.


"Pada masa ini, Menteri Luar Asean yang menyertai semua mesyuarat utama peringkat menteri Asean dan mereka juga merangkumi hal-hal ekonomi. Bagaimanapun, isu ekonomi semakin kompleks."

"Ada butir yang perlu dibincang dan ditimbang dalam mesyuarat. Maksudnya, Menteri Ekonomi lebih sesuai membincangkan perkara itu. Menteri Luar mungkin membuat keputusan berdasarkan kaitan politik dan bukannya kepentingan ekonomi," katanya ketika merasmikan Kongres Asean Pertama yang bertemakan **Asean - Generasi Akan Datang: Kebijaksanaan Lama dan Arah Baru**, semalam.

Menurutnya, Menteri Ekonomi Asean patut diberi perhatian utama sebagaimana Menteri Luar Asean, terutama apabila

Kongres Asean Pertama

7 - 10 OKTOBER, 1992



ASEAN - GENERASI AKAN DATANG: KEBIJAKSANAAN LAMA DAN ARAH BARU

ia membabitkan isu ekonomi.

Menjelaskan kepada pemberita mengenai sama ada Menteri Ekonomi perlu menyertai mesyuarat Menteri Asean bersama Menteri Luar atau secara berasingan, **Perdana Menteri** berkata, ia bergantung kepada keadaan.

"Jika isu ekonomi timbulkan dalam mesyuarat Menteri Luar, Menteri Ekonomi patut hadir dan jika ada mesyuarat khusus untuk ekonomi, memang patut Menteri Ekonomi menghadiri secara khusus," katanya.

Menurut Dr Mahathir, isu ekonomi dan perdagangan yang semakin penting turut menggalakkan Asean mempercepatkan usaha kerjasama bagi kepentingan nasional dan serantau.

Katanya, pengurangan cukai perdagangan di kalangan negara Asean, melalui pelaksanaan Tarif Keutamaan Sama Rata (CEPT) dalam tempoh 15 tahun, dapat mempercepatkan usaha mewujudkan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta).

Perdana Menteri ber-

kata, pengalaman Malaysia membuktikan pengurangan cukai memberi lebih hasil, terutama penghapusan cukai import yang meningkatkan pertumbuhan perdagangan.

"Apabila kita menghapuskan duti import, perniagaan meningkat dan kerajaan mendapat lebih banyak cukai korporat. Jadi, kita tidak rugi apa-apa dengan mengurangkan cukai," katanya.

Menurutnya, Asean mesti memastikan CEPT berjaya dilaksanakan supaya proses liberalisasi perdagangan dapat dilengkapkan dalam masa 15 tahun walaupun Malaysia berharap Afta dapat diwujudkan lebih awal.

Sehubungan itu, katanya, hasrat Malaysia untuk melihat Asean Enam (Malaysia, Indonesia, Thailand, Filipina, Singapura dan Brunei) menjadi Asean 10 dengan penyerahan Vietnam, Laos, Kemboja dan Myanmar akan menjadi kenyataan berikutan usaha pemuliharaan damai di Indochina.

Menjawab soalan **Perdana Menteri** berkata, ekonomi negara berkecuali tidak banyak berbeza sekarang kerana mereka semakin terbuka.

"Misalnya, Malaysia sudah menandatangani perjanjian dengan negara Indochina yang membolehkan kita membawa pulang dana dan keuntungan hasil pelaburan di sana."

"Saya tidak lihat bagaimana kita boleh takrifkan ekonomi mereka sebagai tertutup lagi. Mereka sudah tunjukkan kesanggupan menerima perdagangan bebas" katanya.